

**D.R. 38/96**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1996. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1A) dengan menggantikan perkataan "Lembaga yang dilantik" dengan perkataan "Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial yang ditubuhkan". Pindaan seksyen 2. Akta 4

Pindaan  
seksyen 31

**3.** Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan noktah dengan noktah bertindih dan memasukkan selepas itu proviso yang berikut:

"Dengan syarat bahawa larangan dalam seksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa tuntutan yang berbangkit daripada kemalangan kenderaan motor jika majikan atau pengkhidmat majikan adalah dikehendaki diinsuranskan terhadap Risiko-Risiko Pihak Ketiga di bawah Bahagian

*Akta 333.* IV Akta Pengangkutan Jalan 1987."

Pemotongan  
seksyen 42.

**4.** Seksyen 42 Akta ibu adalah dipotong.

Seksyen  
baru 57A.

**5.** Bahagian III Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 57 seksyen yang berikut:

" Faedah pendidikan 57A. Faedah pendidikan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa boleh diadakan bagi anak tanggungan seseorang orang berinsurans yang—

- (a) mati akibat suatu bencana kerja;
- (b) mati semasa menerima pencen ilat;
- (c) mati sebelum mencapai umur lima puluh lima tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau suatu tempoh kelayakan yang dikurangkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 17A;
- (d) menerima pencen ilat; atau
- (e) menerima bayaran-bayaran berkala faedah hilang upaya yang kekal,

mengikut terma dan syarat yang disifatkan oleh Pertubuhan patut dikenakan."

6. Seksyen 59 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 59.

"(2A) Jika bagi apa-apa tempoh Ketua Pengarah tiada buat sementara dalam Malaysia atau menjadi tak upaya buat sementara kerana sakit, atau kerana apa-apa sebab lain tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipannya, atau jika jawatan Ketua Pengarah menjadi kosong, Menteri hendaklah melantik salah seorang daripada Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan Ketua Pengarah dalam tempoh itu."

7. Seksyen 59B Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 59B.

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Perlantikan Lembaga." dengan perkataan "Penubuhan Lembaga.";

(b) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Lembaga" dengan perkataan "lembaga yang hendaklah dikenali sebagai Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial";

(c) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

"(a) seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;"

(ii) dalam perenggan (b) dengan memotong perkataan "sebagai Timbalan Pengerusi";

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(ca) seorang pegawai mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;

(cb) seorang pegawai mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi kesihatan;"

(iv) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (e) dengan koma bernoktah dan memasukkan selepas itu perenggan yang berikut:

"(f) tiga orang yang mempunyai pengalaman dalam perkara-perkara keselamatan sosial yang hendaklah dilantik oleh Menteri.";

(d) dalam subseksyen (4) dengan menggantikan perkataan "(d) dan (e)" dengan perkataan "(a), (d), (e) dan (f)";

(e) dalam proviso kepada subseksyen (5) dengan menggantikan perkataan "(d) dan (e)" dengan perkataan "(a), (d), (e) dan (f)";

(f) dengan memotong subseksyen (6); dan

(g) dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

"(8) Menteri boleh bagi setiap ahli yang dilantik di bawah subseksyen (2) (d) dan (e) melantik seseorang menjadi ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga menggantikan ahli itu apabila ahli itu tidak dapat hadir kerana sakit, tak berupaya atau apa-apa sebab lain:

Dengan syarat bahawa pelantikan ahli silih ganti itu hendaklah dirundingkan dengan pertubuhan yang mewakili majikan atau orang berinsurans, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(9) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi semua maksud disifatkan sebagai seorang ahli Lembaga.

(10) Seseorang ahli silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu berhenti daripada menjadi ahli atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi ahli silih ganti apabila ahli yang dia ialah ahli silih gantinya tidak lagi menjadi ahli Lembaga."

**8.** Seksyen 59c Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 59c.

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Timbalan Pengerusi bertindak sebagai Pengerusi." dengan perkataan "Menteri hendaklah melantik mana-mana orang untuk bertindak sebagai Pengerusi.";
- (b) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Timbalan Pengerusi hendaklah" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "Menteri hendaklah melantik mana-mana orang untuk"; dan
- (c) dalam subseksyen (2)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan "Timbalan Pengerusi hendaklah" dengan perkataan "Menteri hendaklah melantik mana-mana orang untuk"; dan
  - (ii) dengan memotong proviso.

**9.** Subseksyen 59E(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "(2)(d) dan (2)(e)" dengan perkataan "(2)(a), (2)(d), (2)(e) dan (2)(f)".

Pindaan  
seksyen 59E.

**10.** Seksyen 71 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan (viii) dan memasukkan selepas itu perenggan yang berikut:

Pindaan  
seksyen 71

"(viii) memberikan pinjaman atau biasiswa kepada anak tanggungan seseorang orang berinsurans sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 57A; dan".

**11.** Perenggan 75A(2)(c) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "sebagai Timbalan Pengerusi".

Pindaan  
seksyen 75A

**12.** Seksyen 75B Akta ibu adalah dipotong.

Pemotongan  
seksyen 75B.

**13.** Seksyen 93 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "enam bulan" dan "dua ribu" masing-masingnya dengan perkataan "dua tahun" dan "sepuluh ribu".

Pindaan  
seksyen 93.

Pindaan  
beksyen 94

**14.** Seksyen 94 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "enam bulan" dan "dua ribu" masing-masingnya dengan perkataan "dua tahun" dan "sepuluh ribu".

Pindaan  
seksyen 105.

**15.** Subseksyen 105(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan (xxxii) dan memasukkan selepas itu perenggan yang berikut:

"(xxxia) pengenaan apa-apa fee atau caj bagi pemberian apa-apa maklumat atau dokumen yang berada dalam jagaan Pertubuhan; dan".

Pindaan  
seksyen 110.

**16.** Subseksyen 110(2) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "boleh dihukum, apabila disabitkan, mengikut sebagaimana diperuntukkan dalam Bab X Kanun Keseksaan" dengan perkataan "boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya"; dan
- (b) dengan memotong rujukan birai kepada Kanun Keseksaan.

Pindaan  
Jadual  
Keenam.

**17.** Jadual Keenam Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan 1—

- (a) dalam subperenggan (2) dengan menggantikan perkataan "Timbalan Pengerusi" dengan perkataan "mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri untuk bertindak sebagai Pengerusi"; dan
- (b) dalam subperenggan (3) dengan menggantikan perkataan "Timbalan Pengerusi" dengan perkataan "mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri untuk bertindak sebagai Pengerusi".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ("Akta").

2. *Fasal 3* bertujuan memasukkan suatu proviso baru kepada seksyen 31 Akta. Proviso yang baru itu membenarkan orang berinsurans yang ditimpa bencana kerja disebabkan oleh kemalangan kenderaan motor atau tanggungan mereka menuntut pampasan atau ganti rugi daripada majikan orang berinsurans atau pengkhidmat majikan orang berinsurans itu yang dikehendaki diinsuranskan terhadap Risiko-Risiko Pihak Ketiga di bawah Bahagian IV Akta Pengangkutan Jalan 1987.

3. *Fasal 4* bertujuan memotong seksyen 42 Akta. Dengan pemotongan ini mana-mana orang yang berhak mendapat faedah di bawah Akta ini akan dapat menerima apa-apa faedah yang serupa yang dibenarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

4. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen baru 57A. Seksyen 57A yang baru itu membolehkan Pertubuhan mengadakan faedah pendidikan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa diadakan bagi anak tanggungan seseorang orang berinsurans.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 59 Akta dengan menambahkan subseksyen baru (2A). Subseksyen (2A) yang baru itu memberi Menteri kuasa untuk melantik salah seorang daripada Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan Ketua Pengarah semasa ketiadaan Ketua Pengarah.

6. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 59B Akta untuk secara khusus menamakan Lembaga sebagai Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial dan untuk menambahkan keanggotaan Lembaga dengan memasukkan sebagai ahli seorang pegawai daripada Kementerian Sumber Manusia, seorang pegawai daripada Kementerian Kesihatan dan tiga orang yang mempunyai pengalaman dalam perkara-perkara keselamatan sosial yang akan dilantik oleh Menteri. Ketua Pengarah akan tidak lagi menjadi Timbalan Pengerusi. *Fasal 7* juga bertujuan memasukkan subseksyen baru (8), (9) dan (10). Subseksyen (8) mengadakan peruntukan tentang pelantikan ahli silih ganti bagi ahli yang mewakili majikan dan orang berinsurans. Subseksyen (9) memperuntukkan bahawa apabila dia menghadiri mesyuarat Lembaga, ahli silih ganti itu hendaklah disifatkan sebagai ahli Lembaga. Subseksyen (10) memperuntukkan bahawa seseorang ahli silih ganti, melainkan jika dia terlebih dahulu berhenti daripada menjadi ahli atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi ahli silih ganti apabila ahli yang berkenaan dengannya dia ialah ahli silih ganti tidak lagi menjadi ahli Lembaga.

7. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 59c Akta. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, Menteri dikehendaki melantik mana-mana orang untuk menjalankan kewajipan-kewajipan Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi.
8. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 71 Akta dengan menambahkan perenggan baru (viii*a*). Perenggan (viii*a*) yang baru itu membolehkan Kumpulan Wang digunakan bagi maksud memberikan pinjaman atau biasiswa kepada anak tanggungan seseorang orang berinsurans sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen baru 57A.
9. *Fasal 12* bertujuan memotong seksyen 75B kerana ia tidak lagi terpakai memandangkan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 59B dan 59c.
10. *Fasal 13* dan *14* bertujuan meminda seksyen 93 dan 94 Akta untuk menambah penalti yang diperuntukkan dalam seksyen-seksyen tersebut.
11. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 105 Akta dengan menambahkan perenggan baru (xxx*a*). Perenggan (xxx*a*) yang baru itu akan membolehkan Peraturan dibuat bagi pengenaan apa-apa fee atau caj bagi pemberian apa-apa maklumat atau dokumen yang berada dalam jagaan Pertubuhan Keselamatan Sosial.
12. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara spesifik adalah berbangkit atau kecil pada dasarnya.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1852.]